

Headline	Bermodalkan minat, kesungguhan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	562 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,143
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,429



Bunga Hati
 Harga: RM23.00 Halaman: 592

CINTA pertama membawa Dilaila dalam dilema. Janji yang terpateri bersama Amer kecundang di tengah jalan, lantaran dendam semalam yang tidak terlerai. Dilaila pasrah menghadapi dugaan. Perkenalan dengan seorang doktor, Joshua memberi sinar baharu buat Dilaila. Tatkala bersua, hatinya bahagia. Namun, hubungan mereka tergantung kerana Joshua terpaksa kembali ke pangkuan keluarga nun jauh di Filipina. Berbekalkan keazaman ingin menjadi usahawan berjaya, gadis itu meneruskan perjuangan hidup walaupun hatinya sepi. Saat itu muncul lelaki yang tidak disangka-sangka meluahkan kata cinta. Antara mencintai dan dicintai, Dilaila perlu membuat pilihan terbaik demi kebahagiaan dirinya. Dia hanya mahu mencari cinta suci yang tidak pernah dikhianati.

Bermodalkan minat, kesungguhan

LIZA ZAHIRA adalah graduan Universiti Teknologi Mara Melaka dalam Diploma Pentadbiran Awam pada 1992. Anak kelahiran Jasin, Melaka tidak mendapat pendidikan khusus dalam bidang penulisan kreatif, namun minat menulis sudah lama subur dalam dirinya.

Kerjaya beliau sebagai wartawan sejak sedekad lalu telah memberinya pengalaman luas tentang dunia penulisan. Liza memulakan kerjaya sebagai wartawan sebuah majalah islamik sebelum melangkah ke Kumpulan Karangkraf dan ditugaskan di majalah *Fokus SPM* dan *Mingguan Wanita*. Dari situ, beliau beralih ke majalah ilmiah iaitu *Dewan Ekonomi* dan berpeluang memperkaya dan mempertajamkan keupayaan dalam bidang penulisan ilmiah.

Ibu kepada seorang anak ini pernah memenangi anugerah dalam pertandingan esei Minggu Saham Amanah, Permodalan Nasional Berhad. Pada tahun 2000, dia telah diamanahkan untuk mengetuai sebuah majalah keibubapaan iaitu *Pa & Ma* sebagai Editor.

Novel *Impian Kasih* merupakan novel romantik pertama beliau yang diterbitkan oleh Alaf 21 Sdn Bhd. Novel ini memakan masa hampir setahun untuk disiapkan. Ini adalah langkah permulaan beliau untuk membawa pembaca meneroka pemikiran dan pengalaman berharga beliau sepanjang menjadi wartawan.



Andai Kau Jodohku

Harga: RM19.90 Halaman: 528

RIANA Syuhada Adam, gadis wartawan yang begitu komited dengan kerja dan tidak suka berbicara soal jodoh. Hatinya sekeras kerikil hingga dia tidak mudah jatuh cinta. Namun jauh di sudut hati, dia masih menyimpan janji setia dengan teman sepermainan sewaktu kecilnya, Minul. Kepada lelaki itu sahajalah disandarkan harapan untuk menggapai bahagia. Hidupnya yang tenang, tiba-tiba menjadi kacau bila menjadi mangsa tipu muslihat dan kuasa mistik manusia bejat yang akhirnya menemukan dia dengan Danish Haiqal. Terlepas daripada saat getir dan selamat di sisi pemuda itu, membuatkan hati Riana tidak keruan. Danish berjaya meruntun hatinya. Malah, Danish turut menyimpan perasaan terhadapnya. Pertalian antara Danish dan Syed Aminul membuatkan keadaan semakin kusut! Danish dan Syed Aminul sebenarnya sepupu! Malah, Riana sendiri mendapat tahu Syed Aminul sudah pun berkahwin.



Kau Tetap Di Hati

Harga: RM19.90 Halaman: 512



TERPERANGKAP di celah kemelut silam kakaknya, menjadikan Sophia yang cekal. Kepulangannya dari New Zealand bukan membawa segulung ijazah tetapi terpaksa berhadapan dengan bekas abang ipar yang berdendam dengannya.


Lalu bermulalah episod baru yang datang silih berganti. Demi masa depan depan tiga anak saudara, dia menerima Nasmizan, rakan lama yang akhirnya menjadi suami. Malangnya, musibah menimpa. Suami yang baru dinikahi menemui ajal di tangannya. Fitnah telah merosakkan segala harapan, apatah lagi dia dituduh bersubahat membunuh oleh ibu kandung sendiri. Segala dugaan terpaksa ditempuh sendirian hinggalah Benjamin, lelaki yang pernah singgah di hatinya muncul kembali. Tapi, bukan mudah untuk mendapat restu daripada seorang ibu lantaran kasih terhadap menantu yang telah tiada masih begitu utuh. Bukankah hidup mesti diteruskan?

Seindah Sakura

Harga: RM19.90 Halaman: 512



SHAKIRA terumbang-ambing akibat kemiskinan hidup dan hilang tempat bergantung. Airil yang hadir dengan perspektif negatif terhadap gadis itu, akhirnya berubah mencintainya dalam diam. Sukar bagi Shakira untuk bahagia, lantaran ada hati yang dengki dan merancang balas dendam. Hati hitam milik Anida berjaya membuatkan cinta Shakira dan Airil terhalang hingga lelaki itu membawa diri meninggalkan Shakira terkapai-kapai keseorangan. Di universiti, Shakira menemui cinta baru, tapi malangnya dia sudah jadi milik orang lain. Shakira cuba menjadi seindah sakura meskipun harapan untuk mendapatkan kembali cinta sejati semakin mustahil. Namun, dia perlu percaya pada jodoh yang telah tersurat untuknya. Mungkin kita sengaja dipertemukan dengan cinta yang salah agar kita bersyukur setelah mendapatkan cinta yang sebenar.



Cinta Rahsia

Harga: RM19.90 Halaman: 528

AYU KARTIKA terperangkap antara cinta dan cita-cita. Dalam membina kerjaya, dia telah bertemu Adam Zabidi, Ketua Pegawai Eksekutif Global Creative Communication, syarikat pengiklanan dan penerbitan milik Bumiputra. Adam yang sudah bertunang dengan gadis pilihan ibunya Farah Aina, terpaut hati pada Ayu. Seminggu sebelum majlis perkahwinannya, Adam telah membatalkan majlis tersebut. Dia telah menjejaki Ayu di Cherating. Salbiah yang tidak dapat menerima keputusan anaknya itu, mengalami tekanan perasaan. Malang tidak berbau, dalam perjalanan pulang, Adam ditimpa kemalangan yang menyebabkan dia lumpuh. Dr Zabidi bersepakat dengan Ayu untuk membantu memulihkan Adam. Apakah kemelut yang terjadi selepas kemunculan adik Adam, Hairil dan siapa Farah Aina dan Kay?